

UKM selangkah dinobatkan juara



➡ Bawa bekalan 2 gol pada aksi kedua final di UPSI hujung minggu ini

► Bangi

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hanya selangkah untuk merangkul Piala Menteri Pendidikan (KPM) 2019 selepas menundukkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2-0 pada aksi final pertama, di sini, kelmarin.

Aksi pertama di Stadium UKM itu tidak berlangsung mudah apabila kedua-dua pasukan nyata sukar digugat dengan tiada jaringan dapat dihasilkan sepanjang tempoh babak perta-

ma berlangsung.

Namun, separuh masa kedua menyaksikan UKM mencetak gol pertama menerusi Zarul Aidel Abdul Aziz yang menewaskan penjaga gol UPSI, Aiman Akwa Yaacob hasil sepakan percuma pada minit ke-56.

Jaringan itu nyata menjadikan permainan semakin rancak dan agresif apabila UPSI turut melancarkan beberapa serangan, namun dipatahkan penjaga gol UKM, Abdul Gapur Samsudin yang berjaya menafikan ancaman daripada penyerang utama lawan, Nuriqmal Tumin.

Kelekaan UPSI yang memburu gol penyamaan, akhirnya dihukum tuan rumah apabila kelibat Arvind Vhingesh yang tidak dikawal melebarkan jurang buat UKM dengan gol kedua pada minit ke-71.

UKM bagaimanapun terpaksa beraksi dengan 10 pemain apabila Tuan Akhmad Mukhris Tuan Noor Marzuki dilayangkan kad kuning kedua pada minit ke-85 namun kesempatan itu gagal digunakan sebaiknya oleh UPSI untuk mendapatkan sekurang-kurangnya satu gol.

Ketua Jurulatih UKM, Yusrizal Yusoff berpuas hati dengan persembahan anak buahnya selepas berjaya mendapatkan kelebihan menjelang aksi kedua di Tanjung



Penjaga gol UKM, Abdul Gapur Samsudin menyelamatkan serangan pemain UPSI pada aksi pertama final di Stadium UKM Bangi.

Malim, minggu hadapan.

"Satu permainan yang menarik dan sengit. Tahniah kepada pemain saya kerana bermain mengikut perancangan terutamanya ketika kita beraksi dengan 10 pemain," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih UPSI, Muhammad Firdaus Jasmani tidak mahu anak buahnya berputus asa meskipun ketinggalan dengan dua gol sekali gus

menggesa mereka bangkit pada aksi kedua di tempat sendiri.

"Perlawanan malam ini (kelmarin) cukup mendebarkan, namun nasib tidak menyebelahi UPSI apabila berlaku kesilapan kecil yang menghukum kami.

"Apapun, kita sudah mengenalpasti kelemahan yang ada menjelang aksi final kedua dan dan kita akan bangkit semula," katanya.